



PELAN STRATEGIK 2021-2025

www.suhakam.org.my



KANDUNGAN

05 PENGENALAN TENTANG SUHAKAM

07 Prakata

08 Sejarah Ringkas tentang Suruhanjaya

09 Siapa Kami dan Bagaimana Kami Bekerja

1 Struktur Organisasi Suruhanjaya

11 Perundangan Utama

13 FOKUS STRATEGIK

14 Visi & Misi

15 Nilai Bersama

16 Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya

18 Konteks Strategik Kami

20 Objektif Strategik

2 Objektif Strategik 1:
Memperkuh Peranan dan
Kepimpinan SUHAKAM sebagai
Institusi Hak Asasi Manusia
Kebangsaan Malaysia dan Badan
Bebas untuk Perlindungan dan
Pemeriksaan Hak Asasi Manusia di
Malaysia

2 Objektif Strategik 2:
Memacu Hak Ekonomi, Sosial dan
Kebudayaan Golongan Rentan di
Malaysia

2 Objektif Strategik 3:
Memerangi Rasisme,
Diskriminasi Kaum dan
Xenofobia

3 Objektif Strategik 4:
Meningkatkan Realisasi Hak Kanak-
kanak

3 Objektif Strategik 5:
Memperkuh Keupayaan
Organisasi Suruhanjaya dan
Meningkatkan Modal Insan

41 PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

44 Akronim



05

**PENGENALAN
TENTANG
SUHAKAM**



Gambar oleh LEE SHING YAW

Prakata

Pelan Strategik Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM atau Suruhanjaya) merangkumi tempoh 2021 – 2025. Pelan ini dibina berasaskan pelan strategik awal SUHAKAM yang telah dilaksanakan sejak 2012.

Pada tahun 2014, SUHAKAM memakai tema “Pendidikan Hak Asasi Manusia (Diajar dan Diamalkan) di Semua Sekolah menjelang 2020” sebagai Bidang Tumpuan dalam usaha untuk membudayakan rasa hormat terhadap hak asasi manusia dari usia muda. Strategi antara bahagian dan aktiviti yang sepadan telah digariskan dan dilaksanakan untuk menjadikan pendidikan hak asasi manusia lebih menonjol di sekolah. Hasil kerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bilangan sekolah yang terlibat dalam Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah, setakat hari ini, ialah 468 buah sekolah. SUHAKAM dan KPM juga telah membangunkan dan melancarkan dua modul latihan hak asasi manusia untuk murid Pasca UPSR dan PT3.

Memikirkan keadaan pandemik Covid-19, SUHAKAM akan meningkatkan usahanya dalam menyahut keperluan hak asasi manusia di negara ini. Walaupun tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengekang pandemik ini dan menyelamatkan nyawa tidak dapat dielakkan, namun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan fasa seterusnya yang berlarutan selama berbulan-bulan, memberi kesan negatif yang tidak diinginkan kepada semua orang di negara ini. Komuniti yang kurang bernasib baik dan rentan terjejas secara tidak sama rata khususnya orang asli, miskin bandar dan luar bandar, pelarian, pencari suaka dan pekerja migran. Kebanyakannya telah kehilangan sumber pendapatan, akses kepada pendidikan, makanan dan penjagaan kesihatan, atau terpaksa pula berhadapan dengan sikap xenofobia, tindakan penalti dan penahanan atas dakwaan melanggar peraturan PKP.

Pelan Strategik ini akan menjadi panduan tugas SUHAKAM dari 2021 hingga 2025.
5 Bidang Keutamaan Strategik

- 1 Memperkukuh Peranan dan Kepimpinan SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Malaysia dan Badan Bebas untuk Perlindungan dan Pemerkasaan Hak Asasi Manusia di Malaysia
- 2 Memacu Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan Golongan Rentan di Malaysia
- 3 Memerangi Rasisme, Diskriminasi Kaum dan Xenofobia
- 4 Meningkatkan Realisasi Hak Kanak-kanak
- 5 Memperkukuh Keupayaan Organisasi Suruhanjaya dan Meningkatkan Modal Insan

SUHAKAM komited untuk memberi tumpuan yang lebih besar, mereka bentuk programnya dan menguntukkan sumber yang besar kepada bidang ini. Suruhanjaya akan merangkumkan aspek jantina dalam semua program dan aktivitinya, dengan itu memastikannya mencapai output/hasil yang diharapkan, yang akan terpakai sama rata kepada wanita dan orang lain, sebagaimana kepada lelaki.

Hasil pelaksanaan Pelan Strategik ini, dijangka akan ada beberapa langkah penambahbaikan dalam punca pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan keselamatan sosial golongan komuniti rentan di Malaysia. Demikian juga perlu ada pengurangan insiden xenofobia dan diskriminasi kaum, yang akan memberi petanda baik untuk masa depan Malaysia. Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) juga telah menggariskan strategi operasinya untuk menangani isu berkaitan hak kanak-kanak di negara ini.

Mengambil kira (a) skop dan tahap keseriusan isu hak asasi manusia; (b) saiz penduduk dan ciri yang berbeza (status ekonomi, tahap pendidikan, latar belakang budaya, kerentanan, kebolehcapaian, orientasi seksual dan lain-lain) dan (c) konteks suasana di Malaysia (termasuk iklim politik, tahap kesedaran awam, kestabilan ekonomi, penerimaan agama); usaha ke hadapan tanpa mengira keadaan perlu diambil untuk meneruskan agenda hak asasi manusia.



Malaysia telah menunjukkan beberapa kemajuan dari segi hak wanita, hak mengundi, pendidikan, pekerjaan dan penjagaan kesihatan yang secara amnya dinikmati oleh rakyatnya. SUHAKAM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan menyokong usaha Kerajaan demi meningkatkan lagi piawaian hak asasi manusia di negara ini, pada masa yang sama bergerak seiring ke hadapan dengan pelancaran Rancangan Malaysia Ke-12 dan pelan tindakan kebangsaan yang lain. Terdapat banyak peluang untuk Suruhanjaya menjalin kerjasama sinergi dengan organisasi masyarakat sivil tempatan dan antarabangsa, badan hak asasi manusia PBB dan mekanisme yang berpangkalan di Malaysia dan serantau, demi mencapai matlamat bersama dan yang dikongsi.

Suruhanjaya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pesuruhjaya, Pegawai Sekretariat dan kakitangan, semua kumpulan perundingan dan penasihat, pihak berkepentingan luar atas sokongan berterusan dan penyertaan aktif yang telah menyumbang kepada pembentukan pelan strategik ini.

Sejarah Ringkas tentang Suruhanjaya

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Akta ini mula berkuat kuasa pada 9 September 1999, dengan mesyuarat sulung SUHAKAM diadakan pada 24 April 2000.

Pelibatan aktif Malaysia dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCHR) adalah dorongan untuk Kerajaan Malaysia yang akhirnya mempertimbangkan penubuhan institusi hak asasi manusia kebangsaan. Perhatian antarabangsa tentang hak asasi manusia ditunjukkan hasil daripada kejayaan Persidangan Dunia Hak Asasi Manusia 1993 di Vienna apabila semua kerajaan, termasuk Malaysia, bersetuju bahawa hak asasi manusia adalah universal dan tidak dapat dipisahkan, dan mereka mengiktiraf kepentingan penubuhan institusi hak asasi manusia kebangsaan.

Satu peristiwa penting baru-baru ini pada ulang tahunnya yang ke-20 ialah kejayaan perbahasan berikutan pembentangan Laporan Tahunan SUHAKAM 2018 oleh Ahli Parlimen pada 5 Disember 2019.



Siapa Kami dan Bagaimana Kami Bekerja

SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI), ditubuhkan dengan pematuan sewajarnya terhadap Prinsip Paris 1993 Berkaitan Status Institusi Kebangsaan.


SUHAKAM boleh menggunakan kuasa dan fungsinya di mana-mana sahaja di Malaysia, SUHAKAM kini mempunyai tiga pejabat; di Semenanjung Malaysia (ibu pejabat), Sabah dan Sarawak. SUHAKAM berusaha untuk menyumbang demi menyepadukan pembangunan manusia di Malaysia melalui pematuan sepenuhnya kepada piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

SUHAKAM memenuhi tanggungjawab ini dengan:

- Memupuk kesedaran tentang hak asasi manusia, mengaku janji mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan program, seminar dan bengkel serta menyebarkan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu;
- Menasihati Kerajaan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan tentang aduan terhadap mereka dan mengesyorkan langkah-langkah sesuai yang hendaklah diambil;
- Menyiasat dan menentukan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia;
- Melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tempat tahanan itu dan membuat syor yang perlu;
- Mengeluarkan kenyataan awam tentang hak asasi manusia apabila perlu;
- Bekerjasama dengan organisasi masyarakat sivil dan pembela hak asasi manusia demi menggalakkan dan melindungi hak asasi itu;
- Mengendalikan pertanyaan awam tentang pelanggaran serius hak asasi manusia;
- Menjalankan aktiviti yang bersesuaian jika perlu.



Struktur Organisasi Suruhanjaya



Perundangan Utama

Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597 mentakrifkan “hak asasi manusia” sebagai merujuk kepada “kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan”.

Sehingga kini, Akta 597 telah dipinda sebanyak dua kali pada tahun 2009 melalui Akta A1353 dan A1357, sebagai tindak balas kepada saranan Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) berhubung dengan pematuhan SUHAKAM terhadap Prinsip Paris.

Pindaan ini secara khusus, berkaitan dengan ketelusan pelantikan anggota Suruhanjaya. Sejak kebelakangan ini, SUHAKAM telah bekerjasama dengan Kerajaan untuk melaksanakan pindaan selanjutnya terhadap Akta tersebut, yang amat penting untuk meningkatkan keberkesanan SUHAKAM, menerangkan peruntukan yang tidak jelas, dan menjadikan Akta tersebut selaras sepenuhnya dengan Prinsip Paris dan Prinsip Belgrade seperti yang disarankan oleh SCA pada ulasan sebelumnya.



Gambar oleh SAWLIHIM BIN BAKAR @ MAN

13

FOKUS STRATEGIK

Visi

Sebuah masyarakat yang menghormati dan melindungi hak asasi manusia sepenuhnya untuk dinikmati sama rata oleh semua.

Misi

Berusaha, menggalakkan, melindungi dan memenuhi hak asasi manusia untuk semua di Malaysia berasaskan kesaksamaan dan tanpa diskriminasi, melalui:

- Tindakan yang melibatkan pendidikan dan pemerkasaan masyarakat;
- Usaha menggalakkan pemahaman tentang hak asasi manusia;
- Integrasi hak asasi manusia ke dalam semua aspek kehidupan.



Nilai Bersama

Sebagai sebuah institusi hak asasi manusia yang bebas, rangka operasi SUHAKAM adalah berpandukan nilai teras berikut:

Komitmen

Ke arah perlindungan dan penambahbaikan hak asasi manusia

Menggalakkan dialog dan sikap saling menghormati antara individu berlainan agama, kepercayaan dan nilai dalam masyarakat yang berasal dari pelbagai latar belakang

Hormat

Kebebasan

Mengamalkan kebebasan dalam pelaksanaan fungsinya yang berhubung dengan cabang perundangan, kehakiman dan eksekutif Kerajaan

Memastikan Suruhanjaya dan ahlinya beroperasi dengan tahap integriti, tanggungjawab dan akauntabiliti tertinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab

Integriti

Keterlibatan

Menambah baik hubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, Parlimen, Kehakiman, masyarakat awam, rangkaian serantau dan antarabangsa serta badan dan mekanisme hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Segera bertindak terhadap aduan awam, melalui bantuan secara aktif untuk menyelesaikan kesukaran, dalam peruntukan undang-undang dan peraturan

Kecekapan

Keterbukaan

Mengekalkan ketelusan dan menyediakan saluran yang mencukupi untuk mendapatkan maklum balas dan pendapat daripada orang ramai

Mengiktiraf nilai sumber manusia dan keperluan penting terhadap pembangunan keupayaan berterusan untuk anggota Suruhanjaya, kakitangan dan pihak berkepentingan yang lain (kebolehcapaian)

Pembangunan Keupayaan

Keterangkuman

Mewujudkan persekitaran untuk dialog bersama bagi rakan kongsi dalaman dan luaran

Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya

Pesuruhjaya sebagai badan pentadbiran Suruhanjaya diberi kuasa untuk melaksanakan fungsi berkanun dan menjalankan kuasa Suruhanjaya atas namanya, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4 Akta 597.

Menurut Akta tersebut, fungsi Suruhanjaya adalah:

- i. untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;
- ii. untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendaklah diambil;
- iii. untuk mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
- iv. untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

Mandat dan fungsinya disampaikan melalui pelbagai Bahagian dalam Suruhanjaya seperti yang diterangkan di bawah:



Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah ditubuhkan secara rasmi selaras dengan bidang tugas SUHAKAM, pada Ogos 2019. Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) memberi tumpuan sebahagian besarnya kepada usaha menyokong, menasihati, menggalakkan dan melindungi hak kanak-kanak di seluruh negara, seiring dengan mandat teras operasi SUHAKAM.

Salah satu mandat SUHAKAM ialah mengesyorkan kepada Kerajaan tentang penyertaan dalam triti hak asasi manusia antarabangsa. Daripada 9 triti hak asasi manusia antarabangsa, Malaysia setakat ini hanya menyertai tiga, iaitu Konvensyen tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen tentang Hak Kanak-kanak (CRC) dan Konvensyen tentang Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Dalam menyertai triti ini, Kerajaan telah melaksanakan haknya untuk memasukkan ‘pengecualian’ pada perkara tertentu, dan protokol triti tersebut.

SUHAKAM akan terus menyokong penarikan balik pengecualian perjanjian di atas, serta penyertaan dalam baki 6 triti, iaitu:

- i. Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD);
- ii. Kovenan Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik (ICCPR);
- iii. Kovenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR);
- iv. Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT);
- v. Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (ICRMW);
- vi. Konvensyen Antarabangsa berkenaan dengan Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan secara Paksa (ICPPED).

Selain baki enam surat cara teras, Malaysia masih belum sepenuhnya menerima kepentingan menyertai Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa atau Konvensyen Berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol Berkaitan Status Pelarian 1967. Penyertaan dan penggunaan surat cara antarabangsa, dan pendomestikan surat cara hak asasi manusia antarabangsa kepada undang-undang tempatan, memerlukan pindaan atau penggubalan undang-undang kebangsaan yang baharu.



Gambar oleh MUHAMMAD SAIFUL BIN MUCHSIN

Konteks Strategik Kami

Hak asasi manusia terus menjadi isu berkepentingan besar di Malaysia. Perbincangan menunjukkan wacana tentang hak asasi manusia di negara ini semakin menonjol berbanding ketika SUHAKAM mula ditubuhkan. Perkara ini menandakan kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan orang ramai tentang hak asasi manusia. Selari dengan peningkatan ilmu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggambarkan elemen hak asasi manusia dalam undang-undang, dasar dan pelan pembangunan baharu untuk negara. Sebagai contoh, Akta Perhimpunan Aman 2012 diperkenalkan bagi membenarkan demonstrasi aman di negara ini. Undang-undang dan dasar dikaji semula secara beransur-ansur untuk menunjukkan komitmen hak asasi manusia antarabangsa CEDAW, CRC dan CRPD mengikut acuan kebangsaan. Malaysia memperkenalkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) sulungnya pada 2018.

Lebih banyak agensi penguatkuasaan serta universiti telah menjemput dan bekerjasama dengan SUHAKAM untuk menyampaikan ceramah dan memperkenalkan kursus berkaitan hak asasi manusia. Melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, SUHAKAM telah berjaya memperkenalkan modul latihan hak asasi manusia untuk sekolah. Sebagai langkah seterusnya, SUHAKAM terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan kursus hak asasi manusia di institut latihan guru.

Di samping perkara di atas, kami juga melihat isu hak asasi manusia yang lebih kompleks dibangkitkan; sebagai contoh, isu kehilangan orang secara paksa, rasisme dan xenofobia semakin banyak dibincangkan menuntut tindak balas kerajaan dan SUHAKAM. Oleh itu, SUHAKAM sebagai satu-satunya institusi hak asasi manusia kebangsaan, harus berupaya menangani isu yang semakin meningkat dengan cekap dan berkesan untuk memastikan Suruhanjaya ini terus dianggap sebagai pemimpin dan pengantara utama dalam memperjuangkan hak asasi manusia di negara ini.

Oleh itu, bidang keutamaan pertama dalam Pelan Strategik semasa SUHAKAM akan memberi tumpuan kepada pengukuhan peranan dan kepimpinan SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan bebas di Malaysia untuk perlindungan dan pemerkasaan hak asasi manusia di negara ini. Bagi tujuan itu, strategi SUHAKAM akan merangkumi usaha meningkatkan keupayaan Suruhanjaya untuk memastikan pelaksanaan peranannya yang berkesan sebagai NHRI, terlibat secara strategik dengan semua pihak berkepentingan dan rakan kongsi yang berkaitan, dan terus memantau situasi hak asasi manusia umum dan khusus di Malaysia.

Walaupun bidang keutamaan pertama dan kelima memberi tumpuan kepada fungsi berkanun teras SUHAKAM serta kapasiti dan keupayaan dalamannya, tiga objektif strategik lain dikhususkan untuk (i) memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan (ESCR) golongan rentan di Malaysia; (ii) memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia, dan (iii) meningkatkan realisasi hak kanak-kanak.

Prinsip hak asasi manusia tentang kesaksamaan menekankan nilai sama rata setiap manusia dan tiada sesiapa pun patut mempunyai peluang hidup yang kurang kerana keturunan, bangsa, agama, jantina, warna kulit, status kewangan dan latar belakang lain. Prinsip ini adalah asas undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan juga dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Walaupun dengan jaminan ini, terdapat individu dan kumpulan yang tidak dapat menikmati hak asasi manusia sepenuhnya dalam masyarakat. Keadaan rentan ini biasanya disebabkan oleh diskriminasi, sama ada secara langsung, tidak langsung atau berstruktur.¹ Di samping itu, terdapat peningkatan kesedaran bahawa kemiskinan adalah punca utama kerentanan dan pelanggaran hak asasi manusia.² Akibatnya, salah satu ciri pendekatan hak asasi manusia adalah perlindungan hak komuniti rentan untuk memastikan mereka dapat menikmati sekurang-kurangnya, standard minimum kehidupan bermaruah yang ditetapkan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Oleh itu, Pelan Strategik 5 Tahun SUHAKAM (2021-2025) akan menumpukan objektif strategik keduanya untuk menangani golongan rentan, khususnya hak ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka. Keputusan untuk menangani ESCR dalam tempoh Pelan Strategik tertentu ini adalah tepat pada masanya memandangkan Malaysia sedang memulakan usahanya ke arah pemulihan ekonomi dan sosial berikutan pandemik COVID-19. Sepertimana keadaan di seluruh dunia, ekonomi Malaysia terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 pada 2020. Di tengah-tengah krisis kesihatan, ramai orang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan mereka kerana ekonomi negara terpaksa dihentikan seketika, pada masa yang sama PKP terpaksa dikenakan untuk mengekang penularan virus. Walaupun dengan bantuan kewangan yang besar disediakan oleh kerajaan dalam bentuk pakej rangsangan ekonomi termasuk Bantuan Prihatin Nasional dan PENJANA untuk membantu industri agar terus bertahan dan membolehkan mereka mengekalkan pekerja masing-masing, menjelang pertengahan tahun, banyak perniagaan seperti industri pelancongan, peruncitan dan restoran terpaksa ditutup sepenuhnya kerana kekurangan aliran tunai untuk terus beroperasi.

Akibatnya, populasi rentan di Malaysia akan terjejas dengan lebih teruk, terutamanya mereka yang telah jatuh ke dalam kumpulan pendapatan bawah 40% (B40), atau lebih teruk, di bawah paras kemiskinan di Malaysia. Seperti yang digambarkan semasa PKP, kerajaan bertanggungjawab memastikan bantuan dan kemudahan yang sewajarnya disampaikan kepada mereka yang terjejas. Dalam konteks ini, SUHAKAM akan berusaha memastikan perspektif hak asasi manusia, khususnya ESCR diberi pertimbangan sewajarnya selaras dengan undang-undang antarabangsa dan sesuai dengan komitmen hak asasi manusia yang ditegaskan oleh Malaysia pada peringkat antarabangsa. Secara khusus, kami akan berusaha untuk memastikan bahawa mereka yang layak disediakan dengan keperluan asas untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka berdasarkan kesaksamaan dan tanpa diskriminasi, dan pada masa yang sama, mereka boleh dan diberikan peluang yang saksama untuk mengangkat diri mereka daripada kerentanan sosioekonomi. Kami akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan membina keupayaan agensi berkaitan tentang ESCR sebagai hak asas. Kami akan menggunakan kemahiran penyelidikan dan penyiasatan kami untuk memastikan realiti hidup golongan rentan, khususnya, memberi pencerahan tentang penafian ESCR. Di samping itu, bagi menyokong penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Antarabangsa Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR), kami juga akan bekerjasama erat dengan kerajaan dan memberi nasihat dalam penggubalan dan kajian semula undang-undang dan dasar berkaitan berpandukan pada ICESCR dan sesuai dengan komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta menerima cadangan berkaitan ESCR dalam Semakan Berkala Sejagat (UPR).

Bidang keutamaan ketiga SUHAKAM adalah untuk menangani rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia yang telah menyumbang kepada keadaan rentan dan menjejaskan pencapaian Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk menjamin kesaksamaan.

Rasisme di Malaysia, walaupun pada zahirnya tidak kelihatan, tetap berterusan dan sangat kuat, yang seterusnya, telah dibentuk dan dibenarkan oleh sistem sosiopolitik lama yang mengakibatkan ketidakaksamaan akar umbi. Objektif Strategik ketiga SUHAKAM akan menyaksikan usaha bersepadu oleh SUHAKAM untuk memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia. Walaupun usaha untuk membincangkan dan menangani isu ini kelihatan terus terhalang, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami melihat lonjakan insiden yang didorong atau diburukkan lagi oleh sentimen perkauman dan xenofobia. Pada bulan Ogos 2019, Menteri Dalam Negeri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang kini Perdana Menteri Malaysia, telah menyuarakan kebimbangan terhadap sentimen yang semakin meningkat berkaitan kaum, antara lain, di negara ini. Berdasarkan data polis, jumlah insiden yang melibatkan isu ini telah meningkat dua kali ganda sejak Januari tahun yang sama.³

³ Nurul Azwa Aris, "Don't trigger issues on race, religion, royalty, Muhyiddin warns" (FMT News, 24 Ogos 2019) <<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/08/24/dont-trigger-issues-on-race-religion-royalty-muhyiddin-warns/>>

¹ Chapman, Audrey & Carbonetti, Benjamin. (2011). "Human Rights Protections for Vulnerable and Disadvantaged Groups: The Contributions of the UN Committee on Economic, Social and Cultural Rights. Human Rights Quarterly". 33. 682-732. 10.1353/hrq.2011.0033; Mirjana Najcevska, "Structural Discrimination -Definitions, Approaches and Trends" (OHCHR) <<https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Racism/IWG/Session8/MirjanaNajcevska.doc>>

² OHCHR, "Human Rights Dimension on Poverty", <[https://www.ohchr.org/EN/Issues/Poverty/DimensionOfPoverty/Pages/Index.aspx#:~:text=Poverty%20erodes%20or%20nullifies%20economic,and%20the%20right%20to%20education.&text=It%20gives%20due%20attention%20to,human%20dignity%20that%20accompany%20poverty.](https://www.ohchr.org/EN/Issues/Poverty/DimensionOfPoverty/Pages/Index.aspx#:~:text=Poverty%20erodes%20or%20nullifies%20economic,and%20the%20right%20to%20education.&text=It%20gives%20due%20attention%20to,human%20dignity%20that%20accompany%20poverty.;)>; Chapman, Audrey & Carbonetti, Benjamin. (2011). "Human Rights Protections for Vulnerable and Disadvantaged Groups: The Contributions of the UN Committee on Economic, Social and Cultural Rights. Human Rights Quarterly". 33. 682-732. 10.1353/hrq.2011.0033; Ontario Human Rights Commission, "Strategic Plan. Putting People and their Rights at the Centre. Building Human Rights Accountability 2017-2022" <http://www.ohrc.on.ca/sites/default/files/Strategic%20Plan_2017-2022_accessible_EN.pdf>



Gambar oleh ZAWAWI BIN GENDOT

Oleh itu, terdapat keperluan penting untuk memupuk hubungan baik antara komuniti dalam konteks ini. SUHAKAM akan melaksanakan usaha untuk menghapuskan prasangka, tanggapan stereotaip dan kebencian kaum, dan pada masa sama memupuk rasa hormat terhadap aspek kepelbagaian budaya, kaum dan agama dengan cara meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia; di samping menggalakkan dialog antara budaya yang membina. Seterusnya, melalui fungsi penyelidikan dan sokongannya, SUHAKAM akan mengenal pasti dan mendedahkan insiden rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia di negara ini dan bagaimana semua perkara ini dapat mengekang dan juga menjejaskan nikmat hak asasi manusia yang lain. SUHAKAM juga akan meneruskan sokongan kepada Malaysia untuk memperkenalkan undang-undang antidiskriminasi dan menyertai ICERD, dan pada masa yang sama, bekerjasama erat dengan kerajaan untuk mengkaji semula undang-undang, dasar dan program sedia ada bagi memastikan dan menggalakkan keharmonian serta merangkumkan prinsip kesaksamaan dan tanpa diskriminasi selaras dengan piawaian antarabangsa. Selain itu, SUHAKAM akan menyokong pembentukan mekanisme yang boleh dipercayai dan berkesan yang diberi mandat untuk bukan sahaja menerima aduan, tetapi juga menyediakan langkah pemulihan untuk mangsa diskriminasi kaum dan xenofobia.

Objektif strategik keempat akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan realisasi hak kanak-kanak, yang akan diterajui oleh Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak yang baru ditubuhkan dalam SUHAKAM. Ke arah mencapai objektif ini, OCC akan memainkan peranan dalam memantau tindakan kerajaan dan pelaku lain yang berkaitan untuk merealisasikan hak kanak-kanak, selaras dengan obligasi yang ditandatangani oleh Malaysia apabila meratifikasi CRC. Pesuruhjaya Kanak-kanak SUHAKAM akan menggalakkan dan berusaha untuk melindungi hak kanak-kanak; termasuk untuk meningkatkan kepekaan Kerajaan, agensi awam dan orang ramai terhadap peruntukan Konvensyen, membantu pelaksanaan pendidikan hak asasi manusia di sekolah, dan memastikan pendidikan hak asasi manusia memberikan fokus kepada kanak-kanak. OCC juga akan berusaha ke arah memperkuat amalan mesra kanak-kanak dalam operasinya sendiri, menggunakan pendekatan hak kanak-kanak dalam semua urusannya.

Dalam melaksanakan strategi di atas, SUHAKAM akan mengambil kira undang-undang, dasar dan program domestik termasuk, tetapi tidak terhad kepada, belanjawan negara Malaysia dan pelan kebangsaan selama 5 tahun, serta komitmen antarabangsa Malaysia yang berkaitan dengan hak asasi manusia seperti SDG, UPR dan pelbagai mekanisme dan platform hak asasi manusia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Objektif Strategik

Objektif Strategik 1:
Memperkuh Peranan dan Kepimpinan SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Malaysia dan sebagai Badan Bebas untuk Perlindungan dan Pemerkasaan Hak Asasi Manusia di Malaysia

Tahun 2020 menandakan berakhirnya Wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2016-2020. Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMK-12)⁴ akan disejajarkan dengan inisiatif kemakmuran bersama merangkumi tiga dimensi, iaitu pemerikasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan penstrukturan semula sosial. Inisiatif ini bertujuan memastikan pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan bermakna ke arah masyarakat yang lebih makmur.

SUHAKAM percaya selaras dengan usaha ini, negara perlu berusaha secara serentak untuk mematuhi sepenuhnya piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Malaysia harus berganding bahu sebagai peserta penuh dalam sistem hak asasi manusia antarabangsa, sebagai pihak kepada semua perjanjian hak asasi manusia teras, dan perjanjian ini harus dilaksanakan di dalam negara, dalam undang-undang dan amalan.

Keutamaan

SUHAKAM komited dalam tempoh Pelan Strategik ini untuk menyumbang kepada pembinaan negara bangsa, dengan memperkasakan dan melindungi hak asasi manusia melalui pelaksanaan tanggungjawab berkanunnya secara berkesan.

- Meningkatkan keupayaan Suruhanjaya untuk memastikan pelaksanaan peranannya sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan dengan berkesan
- Melibatkan hubungan strategik dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk ahli parlimen dan pemimpin politik lain, pegawai kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan komuniti, persatuan profesional dan media
- Memantau situasi hak asasi manusia di Malaysia secara amnya dan di kawasan dan lokasi tertentu, termasuk tempat tahanan dan dalam acara tertentu

⁴Rancangan Malaysia Kedua Belas oleh Unit Perancang Ekonomi
<http://rmke12.epu.gov.my/about-us>

Objektif Strategik 1: Memperkuh Peranan dan Kepimpinan SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Malaysia dan Badan Bebas untuk Perlindungan dan Pemerkasaan Hak Asasi Manusia di Malaysia

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	i. Meningkatkan kesedaran, penghormatan dan sokongan awam terhadap hak asasi manusia dan memperkasa mereka untuk bertindak selaras dengannya	Jangka Panjang	Perkadaran bilangan penduduk yang sedar tentang konsep dan prinsip hak asasi manusia
	ii. Memastikan undang-undang, dasar dan tatacara domestik dipatuhi, dan dikuatkuasakan mengikut piawaian hak asasi manusia antarabangsa	Jangka Panjang	Pengurangan kes yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia seperti yang dilaporkan di media
	iii. Memastikan aduan pelanggaran hak asasi manusia dikendalikan dengan berkesan, supaya kes berjaya diselesaikan sebanyak mungkin	Jangka Sederhana – Jangka Panjang	Bilangan aduan yang diterima dan diselesaikan melalui mekanisme aduan SUHAKAM Bilangan aduan yang diterima oleh organisasi masyarakat sivil terpilih
Impak	i. Meningkatkan pengetahuan dan amalan yang lebih baik tentang hak asasi manusia dalam kalangan guru, murid dan pentadbir sekolah	Jangka Pendek	Perkadaran bilangan guru dan murid yang mempunyai pengetahuan hak asasi manusia
	ii. Meningkatkan pematuhan undang-undang domestik dengan obligasi triti antarabangsa	Jangka Panjang	Bilangan undang-undang dan dasar domestik adalah selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa
	iii. Meningkatkan pengiktirafan dan penerimaan prinsip hak asasi manusia oleh mahkamah	Jangka Sederhana	Bilangan campur tangan yang berjaya dalam prosiding kehakiman

Strategi: Memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Latihan yang menyasarkan agensi penguatkuasaan, agensi kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, golongan rentan (orang kurang upaya, wanita, kanak-kanak, warga tua, orang asli, pelarian, pekerja migran dan lain-lain) dan media – serta membantu membangunkan kurikulum/sukatan pelajaran	Jangka Pendek – Jangka Sederhana	Bilangan peserta yang dilatih setahun
	ii. Penerbitan, terjemahan dan pengagihan laporan dan bahan hak asasi manusia	Jangka Pendek – Jangka Sederhana	Bilangan laporan/bahan yang diterbitkan dan diagihkan setahun
	iii. Aktiviti meningkatkan kesedaran berasaskan masyarakat	Jangka Pendek	Bilangan aktiviti yang diadakan setahun

Gambar oleh SYADAN BIN GINU



Strategi:

- i. Menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendaklah diambil
- ii. Mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Mengkaji semula undang-undang dan dasar yang berkaitan di bawah obligasi triti negara	Jangka Sederhana	Penyerahan laporan yang diluluskan oleh Suruhanjaya kepada agensi atau badan kerajaan yang berkaitan
	ii. Perbincangan meja bulat, mesyuarat, seminar atau bengkel bersama pihak berkepentingan dalam setahun untuk mendapatkan pandangan tentang pelaksanaan obligasi triti negara	Jangka Pendek – Jangka Panjang	Bilangan acara yang dianjurkan

Strategi: Menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia

Output	i. Aduan pelanggaran hak asasi manusia dikendalikan dengan berkesan	Jangka pendek – Jangka Sederhana	Peratusan aduan yang diselesaikan Peratusan kejayaan penyelesaian aduan berkaitan hak asasi manusia sehingga 50% – pengadu berpuas hati
	ii. Lawatan ke tempat tahanan dan lawatan pemantauan untuk melihat kemajuan pematuhan	Jangka Sederhana	Bilangan lawatan pemantauan
	iii. Memorandum Perjanjian dengan agensi penguatkuasaan untuk mengenal pasti pelanggaran hak asasi manusia dan merangka pelan tindakan bersama bagi meningkatkan pematuhan hak asasi manusia	Jangka Sederhana	Bilangan Memorandum Perjanjian yang ditandatangani dan dilaksanakan

Objektif Strategik 2: Memacu Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan Golongan Rentan di Malaysia

Hak ekonomi, sosial dan kebudayaan diiktiraf di bawah UDHR sebagai hak asasi yang terdapat pada semua orang tanpa diskriminasi. Namun pada hakikatnya, banyak komuniti dan individu rentan tidak dapat menikmati ESCR sepenuhnya atas pelbagai faktor berbentuk langsung, tidak langsung atau struktur, serta kemiskinan. Oleh itu, salah satu ciri pendekatan hak asasi manusia adalah perlindungan hak komuniti rentan untuk memastikan mereka dapat mencapai, sekurang-kurangnya, syarat minimum kehidupan bermaruah yang ditetapkan oleh UDHR.

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan komuniti dan individu rentan mengalami situasi yang lebih buruk. Di Malaysia, antara kumpulan yang perlu diberi perhatian termasuklah orang asli, orang kurang upaya, wanita, kanak-kanak, pekerja migran dan pelarian. Perdana Menteri Malaysia acap kali menekankan bahawa tiada siapa yang akan dibiarkan ketinggalan semasa fasa pemulihan, dan kerajaan akan menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan datang.

Keutamaan

Sejajar dengan hala tuju negara ketika ini untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial di Malaysia dalam menghadapi COVID-19, SUHAKAM akan berusaha ke arah memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan di Malaysia. Bagi tujuan ini, SUHAKAM akan mengguna pakai strategi berikut untuk memacu ESCR komuniti rentan di Malaysia.



Gambar oleh SYADAN BIN GINU



Gambar oleh MUSLIANSHAH BIN MASRIE

Objektif Strategik 2: Memacu Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan Golongan Rentan di Malaysia

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	Pelan Tindakan untuk meningkatkan kesejahteraan golongan rentan di Malaysia terangkum dalam elemen hak asasi manusia	Jangka Panjang	Strategi kebangsaan dalam memacu ESCR golongan rentan di Malaysia mengamalkan pendekatan hak asasi manusia.
Impak	i. Undang-undang dan dasar berkaitan ESCR golongan rentan diperkenalkan atau dikaji semula termasuk syor SUHAKAM tentang perspektif hak asasi manusia	Jangka Panjang	Syor SUHAKAM ditunjukkan dalam undang-undang dan dasar yang dikaji semula
	ii. Malaysia menyertai ICESCR	Jangka Panjang	Malaysia menyertai ICESCR
	iii. Orang awam dan Kerajaan menyedari ESCR sebagai hak asasi manusia dan isu domestik yang berkaitan.	Jangka Panjang	Perkadaran bilangan pegawai awam dan Kerajaan yang telah mengambil bahagian dalam acara SUHAKAM menyedari ESCR dan isu domestik yang berkaitan
	iv. Kerajaan merangka belanjawan dengan mengambil kira tanda aras hak asasi manusia	Jangka Panjang	Kerajaan merangka belanjawan dengan mengambil kira tanda aras hak asasi manusia



Gambar oleh LIN JOE YIN

Strategi: Meningkatkan kesedaran awam tentang ESCR sebagai hak asasi manusia dan kesedaran terhadap penduduk rentan di Malaysia			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Program promosi awam dan aktiviti pembangunan keupayaan kerajaan tentang ESCR, isu di Malaysia dan syor SUHAKAM	Jangka Sederhana	Bilangan aktiviti promosi dan pembangunan keupayaan tentang ESCR yang dikendalikan oleh SUHAKAM dalam setahun
	ii. Penerbitan dan publisiti laporan penyelidikan dan penyiasatan SUHAKAM berkaitan ESCR golongan rentan	Jangka Sederhana – Jangka Panjang	Bilangan laporan tentang ESCR yang dikeluarkan oleh SUHAKAM untuk kegunaan awam
	iii. Mengeluarkan kenyataan akhbar berkaitan ESCR golongan rentan, isu berkaitan di Malaysia dan syor SUHAKAM	Jangka Panjang	Bilangan kenyataan media berkaitan ESCR di Malaysia yang dikeluarkan oleh SUHAKAM dalam setahun
Strategi: Memberikan nasihat tentang pendekatan hak asasi manusia kepada kerajaan dalam pembangunan strategi untuk meningkatkan keadaan sosioekonomi penduduk rentan terutamanya yang terjejas teruk pasca COVID-19 dan PKP			
Output	i. Menjalankan dan menyerahkan kepada kerajaan, laporan penyelidikan dan penyiasatan yang menunjukkan realiti sebenar golongan rentan di Malaysia dan syor SUHAKAM tentang pendekatan hak asasi manusia	Jangka Sederhana	Bilangan laporan tentang ESCR yang lengkap dan dikemukakan oleh SUHAKAM kepada kerajaan
	ii. Keterlibatan dengan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap isu tentang punca pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan keselamatan sosial untuk menyokong penggunaan pendekatan hak asasi manusia dalam pembangunan strategi dan program mereka	Jangka Panjang	Bilangan pelibatan dengan setiap agensi berkaitan dalam Tempoh Pelan Strategik.

Strategi: Menggalakkan pemakaian piawaian hak asasi manusia antarabangsa tentang ESCR dalam undang-undang, dasar serta strategi belanjawan dan pembangunan yang berkaitan dalam negara oleh kementerian kerajaan, khususnya, terjemahan obligasi ESCR antarabangsa Malaysia yang dibuat melalui pelbagai mekanisme termasuk SDG, UPR, HRC, serta artikel yang berkaitan dalam CEDAW, CRC dan CRPD			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Pengumpulan dan publisiti maklumat tentang semua komitmen antarabangsa yang dibuat oleh kerajaan berkaitan ESCR melalui SDG, UPR, HRC, CEDAW, CRC dan CRPD	Jangka Pendek	Pengumpulan sedia untuk penggunaan SUHAKAM selewat-lewatnya menjelang tahun kedua
	ii. Penyertaan SUHAKAM dalam merangka dan mengkaji semula undang-undang dan dasar berkaitan ESCR di Malaysia untuk mempertimbangkan pendekatan hak asasi manusia, khususnya yang telah menerima komitmen antarabangsa Malaysia	Jangka Panjang	Bilangan undang-undang dan dasar yang dikaji semula dengan memasukkan elemen hak asasi manusia
	iii. Penyertaan SUHAKAM dalam proses belanjawan tahunan Kerajaan dan pelan pembangunan 5 tahun untuk menyokong pendekatan hak asasi manusia, khususnya yang telah menerima komitmen antarabangsa Malaysia	Jangka Panjang	SUHAKAM terlibat dalam pembangunan belanjawan tahunan Malaysia dan pelan pembangunan 5 tahun



Gambar oleh ABDUL HAFIZ BIN AB HAMID

Strategi: Membangunkan atau menggunakan mekanisme pemantauan untuk menilai realisasi progresif ESCR			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Pembangunan dan penggunaan mekanisme untuk memantau realisasi progresif ESCR yang disenaraikan dengan menggunakan petunjuk statistik, dasar dan belanjawan negara, dan komitmen antarabangsa (contohnya melalui konvensyen yang diratifikasi, SDG, UPR, HRC dan lain-lain)	Jangka Sederhana	Mekanisme pemantauan sedia untuk penggunaan SUHAKAM selewat-lewatnya tahun ketiga
	ii. Memuktamadkan dan publisiti laporan hasil pemantauan	Jangka Panjang	SUHAKAM menerbitkan laporan pemantauannya, dan dengan itu, melibatkan kerajaan, dan menghebahkan hasilnya kepada orang awam dan rakan kongsi
Strategi: Menyokong penyertaan Malaysia dalam ICESCR			
Output	i. Penyerahan kertas pendirian SUHAKAM kepada kerajaan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada Jawatankuasa Tetap Antara Agensi tentang ICESCR, JPM, MOFA dan AGC berkenaan manfaat menyertai ICESCR	Jangka Sederhana	SUHAKAM menyerahkan kertas pendiriannya kepada agensi berkaitan
	ii. Keterlibatan dengan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi tentang ICESCR untuk membentangkan kedudukan SUHAKAM dan maklumat berkenaan manfaat menyertai ICESCR	Jangka Panjang	Bilangan pelibatan dengan Jawatankuasa Tetap Antara Agensi (Inter-Agency Standing Committee atau IASC) ICESCR dalam Tempoh Pelan Strategik

Objektif Strategik3: Memerangi Rasisme, Diskriminasi Kaum dan Xenofobia

Perkara 1

1. Dalam Konvensyen ini, istilah "diskriminasi kaum" hendaklah bererti apa-apa perbezaan, pengecualian, sekatan atau keutamaan berdasarkan bangsa, warna kulit, keturunan, atau negara atau etnik asal yang mempunyai tujuan atau memberi kesan membatalkan atau merosakkan nilai pengiktirafan, kenikmatan atau amalan, secara setara, hak asasi manusia dan kebebasan asasi dalam politik, ekonomi, sosial, kebudayaan atau apa-apa bidang kehidupan awam yang lain.

Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum

Melihat senario rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan pelbagai budaya, jelas bahawa subjek seperti bangsa, agama dan bahasa sangat sensitif dan telah mencetuskan banyak insiden yang tidak diingini pada masa lalu, dan sejak kebelakangan ini. Walaupun rasisme institusi mempunyai kesan merumitkan yang lebih panjang kepada masyarakat secara keseluruhan, namun usaha menangani rasisme individu adalah sama pentingnya dengan penghapusan rasisme yang sistematik di Malaysia. Tuduhan diskriminasi kaum di Malaysia berpunca daripada keutamaan kaum yang terkandung dalam dasar sosial dan ekonomi kerajaan. Faktor utama bagi perkara ini ialah sistem politik dan parti politik yang dibahagikan mengikut kaum di negara kita. Perkauman berakar umbi dalam sistem politik kita. Akibatnya, prasangka membawa kepada ketegangan yang lebih luas, prejudis dan stereotaip antara pelbagai kumpulan etnik.

Dalam usaha mengekang insiden yang tidak diingini, pihak berkuasa telah menggunakan tindak balas yang keras, dan ramai orang telah dikenakan tindakan di bawah pelbagai undang-undang di negara ini. Walaupun masyarakat menjadi mangsa diskriminasi kaum, mereka tidak berani membincangkannya di khalayak ramai kerana sifatnya yang sensitif dan akibat yang mungkin mereka hadapi.

Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan adalah asas kepada perlindungan perlembagaan hak kesaksamaan tanpa diskriminasi di Malaysia. Perkara 8(1) menyatakan bahawa: "Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang". Manakala Perkara 8(2) menyatakan bahawa "Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan."

Malaysia telah mengambil dan menyatakan komitmennya dalam melaksanakan 17 matlamat yang menggariskan SDG.

Berasaskan prinsip "tiada sesiapa pun yang akan dipinggirkan", Agenda 2030 menekankan pendekatan holistik untuk mencapai pembangunan yang mampan untuk semua. SDG meletakkan prinsip hak asasi manusia, iaitu kesaksamaan tanpa diskriminasi sebagai keutamaannya, memastikan penyertaan golongan terpinggir, tidak berdaya dan terhalang, dan mengurangkan ketidaksamarataan di dalam dan dalam kalangan Negara, sebagai sebahagian daripada usaha membasmi kemiskinan. Walaupun Matlamat 10 bertujuan untuk mengurangkan ketidaksamarataan secara khusus, namun semua matlamat lain menggalakkan nilai tanpa diskriminasi.

Keutamaan

Suruhanjaya akan merumuskan beberapa strategi konkrit untuk menangani masalah ini. Suruhanjaya akan bermula dengan membangunkan dasar dalaman terhadap rasisme dan diskriminasi kaum untuk memberi kesedaran kepada kakitangannya dan menjadi teladan kepada pihak luar. Perkara ini bukan asing bagi Malaysia sahaja dan ini juga bukan satu perkara yang mudah untuk diselesaikan. Malaysia ialah negara dengan masyarakat berbilang etnik, pelbagai budaya, dan pelbagai bahasa. Pelbagai kumpulan etnik di Malaysia terus mengekalkan identiti budaya masing-masing. Migrasi rentas sempadan menjadikan Malaysia sebuah masyarakat yang lebih kompleks. Subjek ini dilihat sebagai perkara yang sensitif dan apa-apa pendekatan yang dianggap 'salah' boleh membawa padah. Masalah ini tidak dapat diselesaikan dalam sekelip mata, dan memerlukan pelan menyeluruh berserta sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Sudah tiba masanya kita belajar menerima realiti kepelbagaian Malaysia dan meraikan perbezaan kita tanpa prejudis. Suruhanjaya, dengan pelan tindakannya, perlu membentuk kerjasama dengan rakan strategik dalam menangani isu hak asasi manusia yang lama tertangguh ini.

Menjadi harapan SUHAKAM bahawa suatu hari nanti, akan ada budaya persefahaman dan menghormati hak asasi manusia, tanpa mengira bangsa, agama, latar belakang, atau status di seluruh negara, dalam kalangan semua rakyat, muda dan tua, atau golongan istimewa atau terpinggir.

Objektif Strategik 3: Memerangi Rasisme, Diskriminasi Kaum dan Xenofobia			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	Pengurangan rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia	Jangka Panjang	Penurunan bilangan insiden rasisme, contohnya ucapan kebencian, stereotaip perkauman, pempolitan isu perkauman dan sebagainya
Impak	i. Peningkatan kesedaran umum tentang rasisme, diskriminasi kaum dan kesaksamaan	Jangka Sederhana	Perkadaran bilangan pegawai awam dan Kerajaan yang telah mengambil bahagian dalam acara SUHAKAM mempunyai kesedaran tentang antidiskriminasi dan kesaksamaan
	ii. Membudayakan sikap antidiskriminasi dalam sistem pendidikan Malaysia	Jangka Panjang	Merangka sukatan pelajaran yang menitikberatkan sikap antidiskriminasi dan keharmonian kaum dalam kurikulum negara
	iii. Undang-undang negara Malaysia yang menggalakkan dan memacu keharmonian tanpa diskriminasi selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa	Jangka Panjang	Pengenalan undang-undang antidiskriminasi yang mengandungi mekanisme dan remedi pembetulan untuk mangsa diskriminasi kaum dan xenofobia
	iv. Malaysia menyertai ICERD	Jangka Panjang	Malaysia sebagai negara ahli ICERD

Gambar oleh ABHIJAY JAYARAJ MENON



Strategi: Memupuk rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya, kaum dan agama serta membetulkan salah tanggapan dan menggalakkan komunikasi dan toleransi antara budaya			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Menyemai budaya menghormati perbezaan dalam kalangan kanak-kanak sekolah, dan menggalakkan layanan tanpa diskriminasi dan kesaksamaan dalam program belia pada peringkat sekolah, seboleh mungkin melalui ATHAM	Jangka Pendek	Bilangan program yang dianjurkan oleh SUHAKAM
	ii. Dialog dan seminar untuk merangsang kesedaran yang lebih tinggi tentang kepelbagaian kaum dan agama serta menggalakkan toleransi antara budaya	Jangka Pendek	Bilangan dialog dan seminar yang dianjurkan oleh SUHAKAM
	iii. Membangunkan bahan pendidikan dan pengajaran, dan menyebarkan piawaian antarabangsa untuk memerangi rasisme, dengan mengambil kira konteks tempatan	Jangka Pendek	Bilangan bahan promosi dan pengajaran yang dihasilkan dan diedarkan/diagihkan
Strategi: Memastikan undang-undang negara Malaysia menggalakkan keharmonian dan layanan tanpa diskriminasi selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa			
Output	i. Mengumpul data/maklumat dan menjalankan kajian tentang rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia untuk penilaian menyeluruh dan mengemukakan laporan	Jangka Sederhana	Bilangan kajian/laporan yang diterbitkan oleh SUHAKAM
	ii. Menasihati dan menyokong undang-undang dan dasar dalam negara dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan utama untuk menggalakkan layanan tanpa diskriminasi dan kesaksamaan dalam kalangan seluruh komuniti di Malaysia	Jangka Pendek – Jangka Sederhana	Bilangan mesyuarat, RTD dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan tentang topik ini

Strategi: Menyokong penyertaan Malaysia dalam ICERD			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	Menyediakan dan menyerahkan kertas pendirian SUHAKAM kepada kerajaan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada Jawatankuasa Tetap Antara Agensi tentang ICERD, JPM, MOFA dan AGC berkaitan manfaat menyertai ICERD	Jangka Pendek – Jangka Sederhana	SUHAKAM menyerahkan kertas pendiriannya kepada agensi berkaitan Bilangan mesyuarat dengan jawatankuasa tetap antara agensi meneliti kebolehlaksanaan penyertaan Malaysia dalam ICERD
Strategi: Menyokong aduan dan mekanisme remedi yang boleh dipercayai dan berkesan untuk mangsa diskriminasi kaum dan xenofobia			
Output	i. Memudahkan individu dan kumpulan mengemukakan dakwaan tentang diskriminasi kaum dan membuat aduan ii. Menyiasat dan menyelesaikan aduan tentang amalan, insiden dan kes diskriminasi	Jangka Pendek	Perkadaran bilangan aduan berkaitan pelanggaran diskriminasi kaum yang berjaya diselesaikan

NB: Jangka Pendek: 2 tahun dan ke bawah Jangka Sederhana: 3 hingga 4 tahun Jangka Panjang: 5 tahun



Objektif Strategik 4: Meningkatkan Realisasi Hak Kanak-kanak

Meningkatkan realisasi hak kanak-kanak adalah penting. Walaupun terdapat beberapa perkembangan untuk hak kanak-kanak dalam undang-undang dan amalan, namun pelanggaran hak kanak-kanak masih meluas di Malaysia. OCC di SUHAKAM percaya bahawa pendekatan yang lebih cekap untuk menambah baik hak kanak-kanak di Malaysia adalah dengan mendukung empat (4) prinsip panduan di bawah Konvensyen tentang Hak Kanak-kanak (CRC)⁵, iaitu, layanan tanpa diskriminasi⁶, komitmen penuh kepada kepentingan terbaik kanak-kanak⁷, hak untuk kehidupan, kelangsungan hidup dan pembangunan⁸, dan menghormati pandangan kanak-kanak⁹, dan menggunakannya sebagai objektif dan pendekatan praktikal untuk mencapai objektif ini.

Di bawah **Perkara 42**¹⁰ CRC, Negara ahli hendaklah bertanggungjawab meningkatkan realisasi hak kanak-kanak di negara mereka. Berkenaan dengan Malaysia, OCC, sebagai sebahagian daripada SUHAKAM sebuah institusi hak asasi manusia kebangsaan bebas di negara ini, hendaklah memainkan peranan dalam membantu kerajaan menjalankan kewajipan tersebut.

Bagaimanapun, untuk menjadinya kenyataan, penting bagi OCC untuk mempunyai pelan strategik. Oleh itu, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia telah melantik pasukan perundingan untuk menyokong OCC dalam mengukuhkan keupayaannya untuk menggalakkan dan melindungi hak kanak-kanak selaras dengan mandatnya di bawah Akta SUHAKAM, iaitu perlindungan dan pemerkasaan hak asasi manusia di Malaysia, dengan membangunkan pelan strategik untuk OCC. Bagi tujuan ini, perunding akan dibimbing oleh UNICEF, Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) Siri: Wahana untuk menyokong amalan mesra kanak-kanak (2019).

⁵ Empat prinsip panduan ini telah dikenal pasti dalam garis panduan Jawatankuasa CRC tentang laporan awal Negara ahli yang diterima pakai pada 1991 (CRC/C/5)

⁶ Perkara 2 CRC, perenggan pertama yang berbunyi: "Negara ahli hendaklah menghormati dan memastikan hak yang dinyatakan dalam konvensyen ini kepada setiap kanak-kanak dalam bidang kuasa mereka tanpa diskriminasi dalam apa-apa jua jenis, tanpa mengira ibu bapa atau penjaga yang sah bagi kanak-kanak itu, bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik atau pendapat lain, negara, etnik atau asal-usul sosial, kemiskinan, ketakupayaan, kelahiran atau status lain."

⁷ Perkara 3 (1) CRC yang menyatakan, "Dalam semua tindakan berkaitan kanak-kanak sama ada dijalankan oleh institusi kebajikan sosial awam atau swasta, mahkamah undang-undang, pihak berkuasa pentadbiran atau badan perundangan, kepentingan terbaik kanak-kanak itu hendaklah menjadi pertimbangan utama"

⁸ Perkara 6 (2) CRC, yang menyatakan "Negara ahli hendaklah memastikan kelangsungan hidup dan pembangunan kanak-kanak sehingga takat semaksimum yang mungkin."

⁹ Perkara 12(1) CRC yang menyatakan bahawa "Negara ahli hendaklah memberi jaminan kepada kanak-kanak yang mampu membentuk pandangannya sendiri, hak untuk menyatakan pandangan tersebut dengan bebas dalam semua perkara yang memberi kesan kepada mereka, pandangan kanak-kanak itu perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya mengikut umur dan kematangan mereka."

¹⁰ Perkara 42 CRC: Negara ahli mengaku janji untuk menjadikan prinsip dan peruntukan Konvensyen diketahui umum, dengan cara yang sesuai dan aktif, kepada orang dewasa dan kanak-kanak sepertimana layanan Tanpa Diskriminasi yang digariskan dalam Mukadimah Akta Kanak-kanak, dibaca bersama-sama dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.



Objektif Strategik 4: Meningkatkan Realisasi Hak Kanak-kanak			
Strategi I: Menamatkan diskriminasi terhadap kanak-kanak ¹¹			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	Menjelang 2025, lebih ramai kanak-kanak dapat merealisasikan hak mereka tanpa mengambil kira apa-apa jua jenis perbezaan seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal-usul sosial atau fizikal, ketakupayaan atau apa-apa status lain	Jangka Panjang	Undang-undang dan amalan diskriminasi yang menjejaskan realisasi hak kanak-kanak dihapuskan
Impak	i. Menjelang 2023, pegawai penguat kuasa undang-undang lebih menyedari hak kanak-kanak untuk mendapat layanan tanpa diskriminasi	Jangka Sederhana	Perkadaran pegawai penguat kuasa undang-undang yang telah menyertai program peningkatan kesedaran OCC
	ii. Menjelang 2025, lebih ramai kanak-kanak di Malaysia diberi akses kepada pendidikan awam tanpa apa-apa jua bentuk diskriminasi	Jangka Panjang	Pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan untuk menangani halangan undang-undang bagi mendapat akses pendidikan awam
Output	i. Memperkukuh penghasilan bukti tentang diskriminasi terhadap kanak-kanak	Jangka Sederhana	Bilangan kajian/laporan yang diterbitkan oleh OCC tentang diskriminasi terhadap kanak-kanak
	ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak kanak-kanak untuk mendapat layanan tanpa diskriminasi, dalam kalangan orang awam	Jangka Sederhana	Bilangan dialog dan seminar yang dianjurkan oleh OCC tentang hak kanak-kanak untuk mendapat layanan tanpa diskriminasi
	iii. Menyediakan dan membentangkan syor dasar tentang layanan tanpa diskriminasi, dan kesaksamaan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia kepada kerajaan dan pihak berkepentingan utama	Jangka Sederhana	Bilangan syor dasar tentang layanan tanpa diskriminasi dikemukakan kepada kerajaan
	iv. Memperkukuh mekanisme aduan di OCC untuk menangani diskriminasi terhadap kanak-kanak	Jangka Pendek – Jangka Sederhana	Garis panduan prosedur tentang pengendalian dan pemprosesan aduan yang difailkan oleh atau bagi pihak kanak-kanak, (dengan mempertimbangkan keadaan hidup mereka, termasuk umur, jantina, ketakupayaan dan kesaksamaan) boleh didapati di OCC

Strategi II: Kepentingan terbaik kanak-kanak diambil kira sewajarnya dalam semua peringkat masyarakat, termasuk oleh pembuat keputusan			
	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	Menjelang 2025, kepentingan terbaik kanak-kanak dipertimbangkan dalam kebanyakan keputusan yang melibatkan kanak-kanak oleh pembuat keputusan, dan pemantauan dan pelaporan tentang hak kanak-kanak diperkukuh	Jangka Panjang	Perkadaran keputusan yang mempertimbangkan kepentingan terbaik kanak-kanak
Impak	Menjelang 2024, kebanyakan mekanisme pembuatan keputusan mempunyai rangka kerja untuk menilai kepentingan terbaik kanak-kanak dan menjadikannya sebagai pertimbangan utama	Jangka Sederhana	Rangka kerja diwujudkan
Output	i. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak	Jangka Pendek	Bilangan dialog dan seminar yang dianjurkan oleh OCC tentang kepentingan terbaik kanak-kanak
	ii. Memperkukuh penghasilan bukti tentang pertimbangan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam keputusan yang memberi kesan kepada mereka	Jangka Panjang	Penilaian pertimbangan kepentingan terbaik kanak-kanak di Malaysia dalam semua keputusan yang memberi kesan kepada mereka
	iii. Menyediakan dan menyokong syor kepada kerajaan dan pihak berkepentingan utama tentang pemusatan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam sistem perlindungan mereka, melalui pendekatan holistik dan mekanisme penentuan kepentingan terbaik yang berkesan	Jangka Sederhana	Bilangan cadangan yang dikemukakan kepada kerajaan untuk mengukuhkan pertimbangan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam semua keputusan yang melibatkan mereka Bilangan mesyuarat, RTD dengan agensi kerajaan yang berkaitan dan pihak berkepentingan berkenaan idea ini

Strategi III: Menggalakkan perlindungan hak kanak-kanak untuk kehidupan, kelangsungan hidup dan pembangunan

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	i. Menjelang 2025, peratusan jangka hayat bagi kanak-kanak di Malaysia meningkat	Jangka Panjang	Pengurangan kadar kematian kanak-kanak (di bawah umur 5 tahun) yang direkodkan oleh DoSM & KKM
	ii. Menjelang 2025, jumlah keganasan terhadap kanak-kanak dikurangkan	Jangka Panjang	Penurunan peratusan keganasan terhadap kanak-kanak
Impak	i. Menjelang 2024, bilangan kanak-kanak di Malaysia, termasuk yang paling rentan, yang mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti meningkat	Jangka Sederhana	Peningkatan peratus bilangan kanak-kanak yang mendapat akses penjagaan kesihatan yang berkualiti
	ii. Menjelang 2025, badan perundangan tentang perlindungan kanak-kanak diperkukuh untuk memastikan perlindungan kanak-kanak yang lebih baik terhadap keganasan	Jangka Panjang	Akta Kanak-kanak dipinda
Output	i. Memperkukuh kefahaman tentang prinsip hak kanak-kanak untuk kehidupan, kelangsungan hidup dan pembangunan dalam kalangan pihak berkepentingan utama	Jangka Pendek	Bilangan dialog dan seminar yang dianjurkan oleh OCC
	ii. Membangun dan membentangkan syor bagi pindaan semua undang-undang domestik dan Syariah sedia ada tentang umur berkahwin kepada 18 tahun bagi lelaki dan perempuan	Jangka Sederhana	Bilangan undang-undang domestik dan Syariah sedia ada dipinda sewajarnya

Gambar oleh SYADAN BIN GINU



Strategi IV: Menggalakkan hak pandangan kanak-kanak

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	Menjelang 2025, pandangan kanak-kanak semakin didengari dalam kebanyakan lapisan masyarakat	Jangka Panjang	Peratusan kanak-kanak yang menunjukkan bahawa pandangan mereka diberi perhatian serius di rumah, sekolah dan dalam komuniti
Impak	i. Menjelang 2024, platform untuk kanak-kanak menyatakan pandangan masing-masing dalam kebanyakan keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka meningkat	Jangka Sederhana	Bilangan platform yang tersedia untuk kanak-kanak menyatakan pandangan mereka
	ii. Menjelang 2025, lebih banyak pandangan kanak-kanak didengari dalam pembuatan keputusan dasar tentang topik yang memberi kesan kepada kehidupan mereka	Jangka Panjang	Bilangan dasar yang digubal melalui perundingan dengan kanak-kanak, dengan pandangan mereka diambil kira
Output	i. Menubuhkan badan perundingan kanak-kanak di bawah OCC bagi membolehkan OCC mempertimbangkan pandangan kanak-kanak untuk program masa depan Pejabat	Jangka Pendek	Penubuhan Majlis Perundingan Kanak-kanak
	ii. Mengenal pasti dan mengesyorkan pembangunan wahana dan panduan untuk memudahkan penyertaan kanak-kanak dalam proses membuat keputusan yang memberi kesan kepada mereka	Jangka Sederhana	Wahana dan panduan tentang penyertaan kanak-kanak dibangunkan di agensi kerajaan yang berkaitan

Gambar oleh SYADAN BIN GINU



NB: Jangka Pendek: 2 tahun dan ke bawah
Jangka Sederhana: 3 hingga 4 tahun
Jangka Panjang: 5 tahun

Objektif Strategik 5: Memperkukuh Keupayaan Organisasi Suruhanjaya dan Meningkatkan Modal Insan

Sebagai persediaan untuk melaksanakan 4 objektif strategik terdahulu, SUHAKAM secara serentak akan membangunkan keupayaan dalamannya untuk menyokong pelaksanaan program dan aktiviti yang berkaitan tahun ke tahun. Seiring dengan usaha berterusan untuk menambah baik pelbagai aspek keupayaan dalamannya seperti yang dikenal pasti dalam laporan Penilaian Keupayaan 2017; strategi seperti yang digariskan di bawah akan dilaksanakan untuk memperkukuh kebebasan dan autonomi, keupayaan sumber manusia dan jangkauan komunikasinya.

Objektif Strategik 5: Memperkukuh Keupayaan Organisasi Suruhanjaya dan Meningkatkan Modal Insan

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Hasil	SUHAKAM sebagai pendokong hak asasi manusia yang bebas, dihormati dan berkesan	Jangka Panjang	Pandangan dan nasihat SUHAKAM tentang pendekatan berasaskan hak asasi manusia kerap diminta dan diterima oleh cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman Kerajaan
Impak	i. Mempertingkat kebebasan dan keberkesanan SUHAKAM	Jangka Sederhana	Mengekalkan kedudukan sebagai NHRI berstatus A, oleh SCA berikutan proses pentauliahan semula Memenuhi objektif Penilaian Keupayaan SUHAKAM
	ii. Suruhanjaya yang mempunyai sumber yang baik untuk menyampaikan mandatnya	Jangka Sederhana	Geran tahunan yang mencukupi untuk melaksanakan dan menyampaikan mandatnya

Gambar oleh SYADAN BIN GINU



Strategi: Memperkukuh keupayaan sumber manusia agar lebih responsif terhadap keperluan hak asasi manusia di negara ini

	Keterangan	Rangka Masa	Petunjuk
Output	i. Kajian semula struktur organisasi	Jangka Pendek	Penyelesaian penstrukturan semula organisasi, yang diisi oleh orang yang sesuai dan kompeten
	ii. Pembangunan keupayaan sumber manusianya agar dapat menangani bidang subjek hak baharu yang semakin berkembang	Jangka Sederhana	80% pegawai dan kakitangan menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari latihan yang berkaitan setahun
	iii. Membangunkan dasar yang berkaitan untuk operasi dalaman dan luaran, termasuk perspektif gender	Jangka Sederhana	SOP berkaitan dibangunkan dan dilaksanakan secara meluas seluruh organisasi

Strategi: Mengukuhkan profil luar SUHAKAM

Output	i. Merancang semula pelibatan media, mengoptimumkan penggunaan saluran alternatif termasuk teknologi maklumat	Jangka Pendek	Bilangan saluran pelibatan media yang digunakan untuk menjangkau pelbagai kumpulan sasaran
	ii. Memperkukuh rangkaian dan perkongsian dalam bidang hak asasi manusia atau hak asasi bukan manusia	Jangka Pendek – Jangka Sederhana	Bilangan perkongsian kerjasama dengan organisasi lain
	iii. Menerokai saluran pelibatan dan kerjasama baharu pada peringkat serantau dan antarabangsa	Jangka Pendek	Bilangan pelibatan dengan organisasi serantau dan antarabangsa yang lain

Gambar oleh AHMAD NAZRAN BIN ASHARI



NB: Jangka Pendek: 2 tahun dan ke bawah
Jangka Sederhana: 3 hingga 4 tahun
Jangka Panjang: 5 tahun



41

**PELAKSANAAN,
PEMANTAUAN
DAN PENILAIAN**

Pelaksanaan dan kemajuan Pelan Strategik perlu dipantau dengan rapi oleh Suruhanjaya. Memandangkan Pelan Strategik berfungsi sebagai dokumen pelan kerja jangka panjang, satu mekanisme untuk pengoperasian, pemantauan dan penilaian perlu diwujudkan oleh Suruhanjaya. Bagi tujuan pelaksanaan Pelan Strategik yang berkesan, Pelan itu mesti diterjemahkan ke dalam bentuk program dan aktiviti melalui Pelan Kerja Tahunan yang akan menerangkan perincian seperti tanggungjawab bahagian, garis masa, belanjawan dan sebagainya.

Terdapat dua peringkat pemantauan dan penilaian bagi pelaksanaan Pelan Strategik:

Peringkat 1: Pemantauan dan Penilaian Tahunan - ini adalah proses semakan dalaman. Satu jawatankuasa pemantauan hendaklah dibentuk yang terdiri daripada Setiausaha dan pegawai kanan untuk memantau pelaksanaan dan menilai keberkesanannya. Pemantauan dan penilaian tahunan hendaklah dijalankan sepanjang tempoh Pelan Strategik.



Peringkat 2: Penilaian Separuh Penggal – ini adalah gabungan penilaian dalaman dan luaran bagi pelaksanaan Pelan Strategik. Tinjauan mendalam pelan strategik boleh dilakukan antara dua tahun setengah hingga tiga tahun selepas dilancarkan pada 2021.

Berikut ialah garis panduan pentadbiran untuk rujukan Bahagian dan Suruhanjaya dalam melaksanakan, memantau dan menilai Pelan Strategik.



Akronim

AGC	Attorney General’s Office (Jabatan Peguam Negara)
ATHAM	Human Rights Best Practices in Schools (Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah)
B40	Bottom 40% (Bawah 40%)
CC	Children’s Commissioner (Pesuruhjaya Kanak-kanak)
CEDAW	Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (Konvensyen tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita)
COVID-19	Coronavirus disease (Penyakit virus korona)
CRC	Convention on the Rights of the Child (Konvensyen tentang Hak Kanak-kanak)
CRPD	Convention on the Rights of Persons with Disabilities (Konvensyen tentang Hak Orang Kurang Upaya)
CSOs	Civil Society Organisations (Organisasi Masyarakat Sipil)
DOSM	Department of Statistics Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia)
ESCR	Economic, social and cultural rights (Hak ekonomi, sosial dan kebudayaan)
GANHRI	Global Alliance of National Human Rights Institution (Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan)
HRC	United Nations Human Rights Committee (Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
ICCPR	International Covenant on Civil and Political Rights (Kovenan Antarabangsa tentang Hak Sivill dan Politik)
ICERD	International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum)
ICESCR	International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (Kovenan Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan)
ICRMW	International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families (Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka)
ICPPED	International Convention for the Protection of All Persons from Enforced Disappearance (Konvensyen Antarabangsa berkenaan dengan Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan secara Paksa)
IT	Information technology (Teknologi maklumat)
JPM	Prime Minister’s Department (Jabatan Perdana Menteri)
MCO	Movement Control Order (Perintah Kawalan Pergerakan)
MoFA	Ministry of Foreign Affairs (Kementerian Luar Negeri)
MoE	Ministry of Education (Kementerian Pendidikan)
MoH	Ministry of Health (Kementerian Kesihatan)
NHRAP	National Human Rights Action Plan 2018 (Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan 2018)
NHRI	National Human Rights Institution (Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan)
OCC	Office of Children’s Commissioner (Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak)
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SCA	Sub-Committee on Accreditation (Jawatankuasa Kecil Akreditasi)
SDGs	Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan Mampan)
SoPs	Standard Operation Procedures (Prosedur Operasi Standard)
SUHAKAM	Human Rights Commission of Malaysia (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia)
SUHAKAM Act	Human Rights Commission of Malaysia Act 1999/Act 597 (Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999/Akta 597)
ToR	Terms of Reference (Terma Rujukan)
UDHR	Universal Declaration of Human Rights (Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat)
UNCAT	United Nations Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah)
UNHCR	United Nations Refugee Agency (Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian)
UNICEF	United Nations International Children’s Emergency Fund (Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
UPR	Universal Periodic Review (Semakan Berkala Sejagat)
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
12MP	12th Malaysia Plan (Rancangan Malaysia Ke-12)



Gambar oleh NG WEI CHEAN



Gambar oleh MOHD KHALIS AZIZI BIN WAN IBRAHIM

IBU PEJABAT SUHAKAM

Tingkat 11, Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail,
50250 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tel.: 03-2612 5600 Faks: 03-2612 5620

humanrights@suhakam.org.my